

26/10/2002

Pembabitan profesional dalam keganasan berbentuk global

Dr Azmi Hassan

TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, beberapa minggu lalu menyuarakan kekecewaan terhadap pembabitan beberapa profesional Melayu dalam kegiatan militan.

Walaupun hanya beberapa kerat terbabit dalam kegiatan itu, kesannya mendalam sekali. Secara tidak langsung golongan profesional lain yang tidak terbabit juga terpalit.

Isu pembabitan profesional dalam kegiatan militan dan keganasan bermula daripada penangkapan ahli kumpulan Al-Ma'unah beberapa tahun lalu. Ada ahli kumpulan ini yang bekerja sebagai jurutera dan mempunyai ijazah pertama. Pembongkaran agenda Kumpulan Militan Malaysia (KMM) menyemarakkan lagi isu pembabitan profesional Melayu dalam kegiatan itu.

Pada peringkat global, isu pembabitan profesional mula dipersoalkan ketika serangan antraks ke atas Rumah Putih dan bangunan Kongres Amerika Syarikat. Serangan ini berlaku dan dianggap sebagai susulan selepas tragedi 11 September 2001. Sehingga hari ini masih tidak diketahui siapakah dalang di sebalik serangan antraks, tetapi dipercayai dilakukan oleh mereka yang pakar dalam bidang perang biologi.

Secara amnya, timbul kebimbangan pembabitan profesional dalam kegiatan terkutuk ini ialah kerana faktor senjata pemusnah besar (WMD). Ini kerana sejak kejatuhan empayar Soviet Union dan kemudahan perolehan maklumat, asas untuk mendapatkan bahan membangunkan WMD sama ada dalam bentuk nuklear, biologi atau kimia adalah begitu mudah sekali.

Dua tragedi kemusnahan terkini menguatkan lagi teori bahawa pembabitan profesional dalam kegiatan keganasan begitu berbahaya.

Tragedi pertama ialah serangan 11 September di New York dan Washington.

Serangan September 11 terutama ke atas Pusat Dagangan Dunia (WTC) menafsirkan tahap profesionalisme dan pengetahuan tinggi penganas antarabangsa ini. Serangan ke atas WTC menyebabkan kemusnahan menyeluruh memerlukan pengetahuan tinggi mengenai tindak balas struktur bangunan terhadap bahan api dan suhu tinggi. Tidak dapat dipastikan sama ada perancang serangan sememangnya mengetahui bangunan WTC akan runtuh apabila mereka melakukan serangan ini.

Kes kedua iaitu pengeboman Sari Club di Bali yang menunjukkan peningkatan dalam pengetahuan bahan letupan yang digunakan. Sebelum ini, terutama di Indonesia, Filipina, Tebing Barat atau Semenanjung Gaza bahan letupan yang digunakan adalah dari kelas rendah (organik atau TNT) yang menyebabkan kemusnahan minimum.

Pengeboman Sari Club yang menggunakan bahan letupan C4 menunjukkan tahap profesionalisme tinggi kerana bahan itu sukar diperoleh dan hanya digunakan oleh pihak tertentu seperti tentera Amerika.

Membuat dan mengendalikan bahan letupan C4 memerlukan kepakaran dan kemahiran tertentu. Siasatan terbaru walaupun, menunjukkan bahan letupan yang digunakan adalah ammonium nitrat, dipercayai bahawa rumusan ini lebih menjurus untuk mengaitkan pembabitan Jemaah Islamiah (JI) Indonesia.

Pada Mac lalu, seorang rakyat Indonesia Agus Dwikarna ditangkap dan dipenjarakan di Manila kerana membawa bahan letupan C4 dalam penerbangan dari Manila ke Bangkok. Agus dianggap sebagai profesional kerana seorang jurutera di Indonesia. Mengikut perisikan Indonesia, Agus dikatakan sebagai pertalian penting di antara kumpulan al-Qaeda dan kumpulan militan Indonesia.

Laporan perisikan kepada Kongres Amerika yang dikeluarkan oleh Agensi

Perisikan Pusat (CIA) menyifatkan kumpulan al-Qaeda dianggotai oleh profesional dalam pelbagai bidang. Sebab itu kes pengeboman yang disyaki dilakukan oleh al-Qaeda bertambah hebat dan taktiknya juga lebih baik.

Pengeboman di Bali, contohnya, mempunyai tandatangan al-Qaeda kerana persediaan dan pelaksanaan yang dilakukan memerlukan satu organisasi teratur.

Tidak dapat dinafikan golongan profesional ini mempunyai cita-cita politik dalam perjuangan mereka dan bergerak dalam kumpulan mengikut rentak tradisi, etnik, nasionalis atau ideologi.

Lebih merumitkan sesetengah kumpulan penganas golongan profesional ini bukan saja ingin membawa kemusnahan secara fizikal, malah melakukan sabotaj yang akan menyebabkan kerumitan dan kesengsaraan bentuk psikologi, sosial dan ekonomik.

Timbulnya keganasan berbentuk global yang tidak mengenal erti sempadan sesebuah negara, sedikit sebanyak dipercayai disebabkan pembabit profesional dalam kumpulan keganasan dan melampau. Kejadian pengeboman di Bali adalah contoh terkini di mana rangkaian kerjasama di antara penganas profesional membuahkan hasil seperti yang dikehendaki oleh mereka.

Siasatan walaupun belum selesai dan timbul pelbagai spekulasi terhadap dalang di sebalik kejadian, bukti awal menunjukkan ia dipelopori oleh gerakan JI Indonesia dan dibantu oleh rangkaian sel kumpulan al-Qaeda.

Masyarakat antarabangsa, termasuk Malaysia menyedari bahaya yang dibawa oleh fenomena keganasan bentuk baru. Malaysia sedar dan prihatin terhadap ancaman yang sedang dihadapi. Negara juga sudah dan sedang mengambil langkah pencegahan awal untuk mengekang supaya ketaksuban golongan ini tidak mencapai tahap yang tidak boleh dikawal lagi.

Kita ambil contoh Indonesia, walaupun bibit pembabit profesional dalam kegiatan prakeganasan dilakukan secara terang-terang melalui kumpulan tertentu seperti JI dan Majlis Mujahadeen Indonesia, tiada langkah pencegahan diambil oleh pemimpinnya sama ada sekarang atau terdahulu.

Selepas pengeboman di Bali barulah Presiden Megawati Sukarnoputri melaksanakan dekri yang membolehkan pemerintah Indonesia menahan mereka yang disyaki terbabit dalam keganasan.

Kejadian pengeboman walaupun kerap berlaku di Indonesia, ia dianggap sebagai kecil-kecilan kerana tahap profesionalisme adalah rendah sekali. Pengeboman Club Sari dianggap sebagai titik permulaan pembabit golongan profesional dalam kegiatan militan Indonesia.

Masyarakat antarabangsa amat menghargai langkah kerajaan Megawati mengadakan dekri supaya kejadian keganasan dapat dikekang.

Diharapkan dekri ini dapat menyekat kumpulan militan Indonesia melaksanakan kegiatan ganas mereka.

Adalah dijangka jika Malaysia tidak melaksanakan langkah pencegahan awal mengekang kegiatan militan Malaysia, apa yang berlaku di Indonesia berkemungkinan boleh berlaku di negara ini.

Undang-undang pencegahan seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) walaupun dianggap sebagai tidak adil oleh sesetengah pihak, akibat yang akan ditanggung jika pencegahan tidak dilaksanakan adalah terlalu besar.

Pemimpin Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) yang sedang bermesyuarat di Los Cabos, Mexico dijangka mengeluarkan kenyataan khusus berkaitan letupan bom di Bali dan Zamboanga. Kenyataan bersama mengenai keganasan itu dikenali sebagai 'Kenyataan Pemimpin Apec' mengenai tindakan keganasan terbaru dalam negara anggotanya diharap dapat membuahkan sesuatu yang bermakna supaya kegiatan keganasan dapat dihapuskan.

Delegasi Malaysia yang diketuai Abdullah akan mengemukakan pendapat Malaysia supaya forum mengenal pasti punca sebenar keganasan bagi membolehkan masalah keganasan dihapuskan secara berkesan. Isu punca keganasan sememangnya sudah lama diutarakan oleh Perdana Menteri, Datuk

Seri Dr Mahathir Mohamad sebaik peristiwa 11 September.

Isu punca keganasan perlu dibincang dan diselesaikan segera kerana pembabitin golongan profesional dalam kegiatan militan dan keganasan membawa kepada satu tahap yang lebih bahaya, terutama di Asia Tenggara. Dikhuatiri jika pencegahan tidak diambil, maka akan timbul suatu masa, di mana keadaan tidak akan dapat dikawal dan inilah yang Malaysia cuba elakkan.